

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
**[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 19 OKTOBER 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan jelas KPI bagi usaha-usaha Jawatankuasa Kabinet Hal Ehwal Masyarakat India selepas penubuhannya serta program-program konkrit yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan bagi tujuan pembangunan etnik India di Malaysia dan sejauh manakah program-program tersebut berjaya untuk membangunkan taraf hidup etnik India di Malaysia.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Melalui penubuhan Jawatankuasa Kabinet Hal Ehwal Masyarakat India, program-program yang khusus telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat India. Program-program yang telah diperkenalkan merangkumi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Dokumentasi, Bantuan Pinjaman Perniagaan, Bantuan Biasiswa dan sebagainya.

Sejak penubuhan Jawatankuasa tersebut, beberapa unit khas telah ditubuhkan bagi usaha membangunkan taraf hidup masyarakat India. Antaranya ialah Special Implementation Task Force (SITF) yang bertanggungjawab menangani isu Dokumentasi, Pelan Tindakan Sekolah Tamil (PTST) yang menyelia isu-isu berkaitan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di seluruh Malaysia, Sekretariat Khas untuk Memperkasakan Usahawan India (SEED), yang ditubuhkan untuk memberi latihan dan membantu usahawan-usahawan India mendapatkan bantuan melalui pelbagai saluran yang ada seperti TEKUN, SME Bank, MIDF dan sebagainya. Unit ketiga yang ditubuhkan ialah Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) untuk mentadbir urus peruntukan yang disalurkan kepada NGO dan ILKS melalui Skop Cadangan Program yang telah dikenal pasti bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat India terutamanya golongan B40%.

Peruntukan yang disalurkan kepada NGO-NGO melalui SEDIC akan digunakan untuk melaksanakan program-program bagi mencapai hasil atau output yang telah digariskan oleh Jawatankuasa Kabinet Hal Ehwal Masyarakat India.

Melalui program-program yang diperkenalkan, kita dapat melihat pencapaian positif. Antaranya kemasukan pelajar India ke Insititut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) mencapai 8.9% untuk kemasukan bulan Julai 2015. Selain itu, melalui SEED seramai 23,224 usahawan India telah menerima bantuan perniagaan dengan pembiayaan pinjaman sebanyak RM 565.5 juta. Sebanyak 7,049 kes telah berjaya diluluskan melalui Program MyDaftar anjuran Special Implementation Task Force (SITF). Melalui kerjasama swasta dengan penubuhan Indus Education Foundation, seramai 160 pelajar India telah diberikan pinjaman pendidikan untuk pelbagai kursus berjumlah RM4,455,364 juta.

Kerajaan komited untuk terus melaksanakan program-program bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat India di Malaysia. Jawatankuasa Kabinet Hal Ehwal Masyarakat India akan memastikan KPI yang telah ditetapkan tercapai dan pada masa yang sama mengenal pasti program-program baru yang dapat diperkenalkan untuk membangunkan masyarakat India terutamanya golongan B40% selaras dengan hasrat kerajaan.

Sekian, terima kasih.